



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65

29hb Mac 2012

No. 7

No. 480.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH TEMERLOH

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Temerloh bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 30 Mac 2012 (Jumaat) di bilik gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh jam 3.00 petang.

2. Semua Permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh April hingga Jun 2012 hendaklah dibuat di dalam borang 'PK(LP)-01-1' yang telah ditetapkan (dalam enam salinan) dan dihantar kepada pengerusi, Lembaga Pelesen Eksais Temerloh di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dan mesti sampai sebelum 6 minggu dari tarikh mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon-pemohon sendiri iaitu:

- (i) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijadikan dalam tempoh sekurang-kurangnya 4 minggu sebelum mesyuarat diadakan; dan
- (ii) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

PEJABAT DAERAH TEMERLOH
Berarikh 6 Mac 2012
[PDT.(AM): 06/00110/02 Sj. III]

HAJARATUL FAZIHAN BINTI ABD LATIF
Naib Pengerusi
Pelesenan Eksais Daerah
Temerloh

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

(Act 313)

No. 481.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7

NOTIFICATION UNDER SECTION 7

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 200.0 hektar yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5008 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Hutan Simpan Kekal dikenali sebagai Hutan Simpan Jerantut (Tambahan), Mukim Tebing Tinggi, Daerah Jerantut mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 7 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority declares that the land comprising an area of 200.0 hectares as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5008, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be permanent reserved forest to be known as Jerantut Permanent Reserved Forest (Additional), Mukim of Tebing Tinggi, District of Jerantut with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 24 Februari 2012

Dated 24 February 2012

[PTG.Phg.(ML). 16/015/05/05.2009]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN

*Setiausaha**Majlis Mesyuarat Kerajaan**Pahang/**Clerk of Council**State of Pahang***No. 482.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 13

NOTIFICATION UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 200.0 hektar, Mukim Hulu Jelai, Daerah Lipis yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 143763, Lot 10447 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi sebahagian daripada Hutan Simpan Ibam menurut *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 3569 yang disiarkan pada 12-3-1987 dikeluarkan daripada hutan simpan tersebut dan bahawa tanah itu tidak lagi menjadi hutan simpan kekal mulai tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by Section 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority declares that the land measuring an area of 200.0 hectares, Mukim Hulu Jelai, District of Lipis, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 143763, Lot 10447 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which is forming part of Ibam Forest Reserved *vide* the Pahang States Government *Gazette* No. 3569 published on 12-3-1987 be excised from the said reserved forest and that such land shall cease to be a permanent reserved with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 24 Februari 2012

Dated 24 February 2012

[PTG.Phg.(ML). 16/015/05/05.2009]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

No. 483.

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
CAMERON HIGHLANDS DISTRICT COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2010
ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2010

Akaun yang telah diaudit ini bagi tahun kewangan 2010, bersama-sama dengan pandangan juruaudit atasnya, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Bertarikh 31 Januari 2012

[SUK.Phg./KT.003/3.22 Jld. 7 SK. 2]

DATO' SYED ABDUL MUTALIB BIN SYED HASSAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Cameron Highlands

This audited account for the financial year 2010, together with the auditor's observation thereon, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*].

Dated 31 January 2012
[SUK.Phg./KT.003/3.22 Jld. 7 SK. 2]

DATO' SYED ABDUL MUTALIB BIN SYED HASSAN
President
Cameron Highlands District Council

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Penyata Kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands pada 31 Disember 2010 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian Perakaunan yang diluluskan.

KUANTAN
Bertarikh 24 Jun 2011

MOHD MARZUNI BIN MUHAMAD
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI MAJLIS,
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Kami, Dato' Abdull Muain bin Abdul Hamid, DIMP, BCN, AAP, AMN, PPT, PJK dan Hajah Ramiza binti Mohd Husain, PPN, PKT, PJK yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Daerah Cameron Highlands, dengan ini menyatakan bahawa, pada pandangan Majlis, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah

disediakan untuk menunjukkan keadaan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Cameron Highlands pada 31 Disember 2010 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

DATO' ABDULL MUAIN BIN ABDUL
HAMID
Yang Dipertua
Majlis Daerah Cameron Highlands

Tarikh 21 Mac 2011

Bagi pihak Majlis,

HAJAH RAMIZA BINTI MOHD
HUSAIN
Ahli Majlis
Majlis Daerah Cameron Highlands

Tarikh 21 Mac 2011

SURAT AKUAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Saya, Mazlan bin Mohamed Isa, Setiausaha, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini bersama-sama dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan telah mengambil kira segala tanggungan dan hasil yang sepatutnya dikutip bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya
Diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu,

MAZLAN BIN MOHAMED ISA
di Tanah Rata di Negeri Pahang
pada 21 Mac 2011

di hadapan saya,

AZLAN BIN MOHD YAMAN
Majistret
Pahang

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2010

	2010	2009
	RM	RM
ASET SEMASA		
Wang Tunai dan Baki di Bank (Nota 2)	404,464	796,654
Simpanan Tetap	16,913,255	15,408,134
Penghutang (Nota 3)	341,847	971,040

	2010	2009
	RM	RM
Penghutang Puncak Arabella	745,022	561,150
Penghutang Lain (Nota 4)	125,359	65,846
Pertaruhan Dibayar (Nota 5)	5,900	5,500
Hartanah Pembangunan	—	171,988
	<u>18,535,847</u>	<u>17,980,312</u>
LIABILITI SEMASA		
Pemiutang (Nota 7)	1,030,654	759,696
Pertaruhan Diterima (Nota 8)	556,414	545,410
Sumbangan Amanah (Nota 9)	250,000	250,000
	<u>1,837,068</u>	<u>1,555,106</u>
ASET SEMASA BERSIH	<u>16,698,779</u>	<u>16,425,206</u>
HARTANAH, LOJI DAN MESIN (Nota 10)	24,814,480	25,003,316
KERJA DALAM KEMAJUAN (Nota 11)	1,793,347	1,242,547
	<u>43,306,606</u>	<u>42,671,069</u>
DIBIAYAI OLEH:		
KUMPULAN WANG MAJLIS (Nota 12)	17,539,643	17,071,796
KUMPULAN WANG PUNCAK ARABELLA (Nota 13)	6,785,756	6,760,117
BANTUAN KERAJAAN TERTUNDA (Nota 14)	18,777,402	18,635,351
PINJAMAN DARI KERAJAAN NEGERI (Nota 15)	203,805	203,805
	<u>43,306,606</u>	<u>42,671,069</u>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

	2010	2009
	RM	RM
PENDAPATAN		
Cukai Taksiran Am	3,608,637	3,518,748
Caruman Bantu Kadar (Nota 16)	406,930	365,291
Lesen dan Permit	387,904	384,134
Terimaan Bagi Perkhidmatan (Nota 17)	826,688	766,103
Perolehan daripada jualan Barangan	47,588	73,116
Sewaan (Nota 18)	1,017,527	951,988
Faedah	617,611	654,515
Denda dan Hukuman (Nota 19)	135,613	82,635
Pemberian Kerajaan (Nota 20)	2,132,999	444,575
Geran Keseimbangan (Nota 21)	937,137	937,137
Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan (Nota 14)	525,849	508,018
Keuntungan Jualan Unit Rumah (Nota 13)	25,612	—
Perolehan, Pelupusan Hartanah, Loji & Mesin	—	12,000
Pelbagai	25,323	4,110
	<u>10,695,418</u>	<u>8,702,370</u>

	2010	2009
	RM	RM
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 22)	2,958,144	2,486,406
Perjalanan dan Pengangkutan	250,207	221,751
Perhubungan dan Utiliti	851,882	738,069
Bayaran Sewaan	40,656	34,049
Bekalan Bahan Mentah & Bahan Penyelenggaraan	304,944	291,143
Bekalan Pejabat dan Bahan-Bahan Lain	383,527	558,960
Penyelenggaraan dan Pembaikan	728,154	1,282,028
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti (Nota 23)	1,737,748	1,631,526
Bayaran Pengurusan Alam Flora Sdn. Bhd.	984,249	824,257
Kemudahan (Nota 24)	744,819	792,523
Yuran Audit	13,381	12,255
Susutnilai	818,757	831,169
Hapuskira	154,058	856
Hutang Ragu	183,313	—
Pelbagai (Nota 25)	39,609	72,852
	<u>10,193,448</u>	<u>9,777,844</u>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan	<u>501,970</u>	<u>(1,075,474)</u>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

	2010	2009
	RM	RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	476,358	(1,075,474)
Lebihan Pendapatan Puncak Arabella	25,612	—
Pelarasan Bagi:		
Pelarasan Kumpulan Wang Majlis	(8,511)	(141,476)
Pelarasan Kumpulan Wang Puncak Arabella	27	—
Susutnilai Hartanah, Loji & Mesin	818,757	831,169
Pelarasan Susutnilai Hartanah, Loji & Mesin	6,479	180,248
	<u>1,318,722</u>	<u>(205,533)</u>
Lebihan Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		
(Tambahan)/Kurangan Dalam Aset		
Penghutang	629,193	(180,250)
Penghutang Lain	(59,513)	19,927
Penghutang Puncak Arabella	(183,872)	402,645
Pertaruhan Dibayar	(400)	—
Tambahan/(Kurangan) Dalam Liabiliti		
Pemiutang	270,958	487,644
Pertaruhan Diterima	11,004	37,229
	<u>667,370</u>	<u>767,195</u>
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi		

	2010 RM	2009 RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan		
Pembelian Hartanah, Loji & Mesin	(636,400)	(5,912,395)
Hartanah Pembangunan	171,988	—
Kerja Dalam Kemajuan	(550,800)	403,734
Tunai Bersih (Digunakan) Aktiviti Pelaburan	(1,015,212)	(5,508,661)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan		
Pertambahan Bantuan Kerajaan Tertunda	142,051	3,622,246
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	142,051	3,622,246
(Pengurangan) Tunai Bersih	1,112,931	(1,324,753)
Tunai & Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun	16,204,788	17,529,541
Tunai & Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun	17,317,719	16,204,788
Tunai & Persamaan Tunai pada akhir tahun terdiri daripada		
Tunai di tangan dan bank	404,464	796,654
Simpanan Tetap	16,913,255	15,408,134
	17,317,719	16,204,788

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Kumpulan Wang Majlis RM	Kumpulan Wang Puncak Arabella RM	Bantuan Kerajaan Tertunda RM	Pinjaman Dari Kerajaan Negeri RM	Jumlah RM
Tahun 2009					
Baki pada 1-1-2009	18,288,746	6,760,117	15,013,105	203,805	40,265,773
Pelarasan Tahun Lepas	(141,476)	—	—	—	(141,476)
Baki yang dinyatakan semula	18,147,270	6,760,117	15,013,105	203,805	40,124,297
Lebih Pendapatan dan perbelanjaan	(1,075,474)	—	3,622,246	—	2,546,772
Baki pada 31-12-2009	17,071,796	6,760,117	18,635,351	203,805	42,671,069
Tahun 2010					
Baki pada 1-1-2010	17,071,796	6,760,117	18,635,351	203,805	42,671,069
Pelarasan Tahun Lepas	(8,511)	27	—	—	(8,484)
Baki yang dinyatakan semula	17,063,285	6,760,144	18,635,351	203,805	42,662,585

	Kumpulan Wang Majlis RM	Kumpulan Wang Puncak Arabella RM	Bantuan Kerajaan Tertunda RM	Pinjaman Dari Kerajaan Negeri RM	Jumlah RM
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan & perbelanjaan	476,358	25,612	142,051	—	644,021
Baki pada 31-12-2010	17,539,643	6,785,756	18,777,402	203,805	43,306,606

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA KEPADA AKAUN

1. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Akaun-akaun telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

(b) Hartanah, Loji & Mesin Dan Susutnilai

Hartanah, Loji dan Mesin dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Tanah milik kekal dan kerja dalam kemajuan tidak disusutnilaikan manakala tanah milik pajakan dirosotnilaikan samarata berdasarkan tempoh pajakan.

Perlindungan insurans keatas bangunan MDCH diambil berdasarkan lokasi bangunan.

Susutnilai Hartanah, Loji dan Mesin telah diperuntukan dengan ansuran yang sama sepanjang jangkamasa kegunaan pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Loji dan Mesin	20%
Perkakas Pejabat	20%
Perabot dan Kelengkapan	10%
Pengubahsuaian dan Penambahan	2%
Kenderaan Bermotor	20%

(c) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

Risiko kewangan utama yang dihadapi oleh pihak Majlis dan polisi yang berkaitan dengan aktiviti perbendaharaan adalah seperti berikut:

(i) Risiko Kredit

Tahap risiko kredit Majlis bagi Penghutang Puncak Arabella agak minima disebabkan oleh kerana majoriti pembeli membuat pinjaman dengan institusi kewangan. Oleh itu risiko ini dapat dikurangkan sekiranya ada pembeli lambat dalam proses pembayaran (pembeli tunai).

Bagi penghutang yang lain seperti cukai taksiran dan sewaan, risiko kredit atau risiko kegagalan pembayaran dikawal dengan menggunakan kelulusan kredit, had kredit dan tatacara pengawasan. Risiko kredit diminimakan dengan pengawasan secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan Majlis.

(ii) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam menyediakan dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasanya.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan cukai taksiran am, sewaan yang tertentu dan faedah adalah berdasarkan asas akruan. Pendapatan lain termasuk bantuan kerajaan dan geran kerajaan yang berkaitan dengan operasi telah diambilkira apabila diterima.

(e) Perbelanjaan Terakru dan Pemiutang Majlis

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai didefinisikan sebagai baki tunai ditangan, deposit permintaan dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(g) Realisasi Bantuan Kerajaan Tertunda

Bantuan Kerajaan Tertunda merupakan bantuan yang diterima daripada pihak kerajaan negeri dan juga persekutuan. Ia telah diambilkira ke dalam akaun Majlis sebagai pendapatan mengikut kadar jangka hayat harta berkenaan.

(h) Instrumen-Instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan termasuklah tunai dan baki-baki tunai di bank, pelaburan, penghutang, pemiutang dan peminjam. Kaedah pengiktirafan yang diterimapakai masing-masing dinyatakan di dalam pernyataan dasar-dasar perakaunan Majlis.

Instrumen-instrumen kewangan dilangsaikan apabila Majlis mempunyai hak untuk melaksanakan penyelesaian jumlah yang tertentu dan bertujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau menjangka nilai harta dan menyelesaikan hutang tersebut pada masa yang sama.

(i) Penghutang-penghutang

Hutang-hutang yang dianggap tidak dapat dikutip telah dihapuskan.

(j) Simpanan Tetap

Simpanan Tetap terdiri daripada simpanan di bank-bank berlesen dan lain-lain institusi kewangan untuk tempoh bulanan. Faedah simpanan tetap yang diterima di jadikan pelaburan pokok.

(k) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan tidak diperuntukkan di dalam akaun oleh kerana Majlis ini dikecualikan dari bayaran cukai dibawah peruntukan Seksyen 127(Jadual 6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

(l) Penyata Aliran Tunai

Majlis menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunainya.

(m) Manafaat Pekerja

(i) Manafaat jangkapendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Majlis.

(ii) Pelan Caruman Wajib

Majlis membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menurut peruntukan perundangan di Malaysia. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan bila ia ditanggung.

2. WANG TUNAI & BAKI DI BANK

	2010	2009
	RM	RM
Tunai	3,000	3,000
Akaun Mengurus	327,624	725,687
Akaun Pejabat Baru	67,046	66,379
Akaun Pakej Rangsangan Ekonomi	—	1,088
Akaun Semasa - Bank Simpanan Nasional	6,794	500
	<u>404,464</u>	<u>796,654</u>

3. PENGHUTANG

Cukai Taksiran	510,146	972,295
(-) Peruntukan Hutang Ragu	(178,749)	—
Sewaan	10,450	(1,255)
	<u>341,847</u>	<u>971,040</u>

4. PENGHUTANG LAIN

Bayaran Terdahulu	40,549	43,915
Faedah Terakru	3,974	1,590
Pinjaman Komputer Oleh Kakitangan	80,836	15,777
Kes Pecah Amanah - Bahalizam Bahaman	4,564	4,564
(-) Peruntukan Hutang Ragu	(4,564)	—
	<u>125,359</u>	<u>65,846</u>

5. PERTARUHAN DIBAYAR

Deposit TNB/JBA-Pejabat & Kwarters Puncak Arabella	3,500	3,500
Deposit TNB-Kwarters Jalan Titiwangsa	400	—
Deposit Telefon - 019 5781910	200	200
Deposit JBA-Meter Air Kontraktor MC Puncak Arabella	1,800	1,800
	<u>5,900</u>	<u>5,500</u>

6. HARTANAH PEMBANGUNAN

Perbelanjaan Pembangunan	29,712,652	29,712,652
(+) Peruntukan Keuntungan Dijangkakan:		
Jualan	6,041,756	6,005,744
Pindahan ke A/k Hartanah, Loji & Mesin	179,715	179,715
	<u>35,934,123</u>	<u>35,898,111</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

970

[29hb Mac 2012

	2010	2009
	RM	RM
(-) Bayaran Kemajuan		
Jualan	34,896,123	34,688,123
Pindahan ke A/k Hartanah, Loji & Mesin	1,038,000	1,038,000
	<hr/>	<hr/>
Hartanah Pembangunan	—	171,988
	<hr/>	<hr/>
7. PEMIUTANG		
Perbelanjaan Terakru	960,515	747,441
Peruntukan Yuran Audit	13,381	12,255
Lebihbayar Cukai Taksir	26,984	—
Lebihbayar Sewaan	18,107	—
Lebihbayar puncak Arabella	11,667	—
	<hr/>	<hr/>
	1,030,654	759,696
	<hr/>	<hr/>
8. PERTARUHAN		
Pertaruhan Diterima	556,414	545,410
	<hr/>	<hr/>
9. SUMBANGAN AMANAH		
Pihak Swasta - Jutavilla Sdn. Bhd. (Resit DL 846576 - 21/1/97) disumbangkan bagi tujuan pembinaan jalan masuk dan pusat penerangan pelancong. Sumbangan lain adalah termasuk 2 lot tanah yang dinilai sebagai RM1.00 setiap lot.	250,000	250,000
	<hr/>	<hr/>

10. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

	Kos Pada 1 Januari		Tambahan Tahun Semasa		Pelarasan Tahun Semasa		Hapuskira Tahun Semasa		Baki Pada 31 Disember		Susutnilai Terkumpul 1 Januari		Tambahan Tahun Semasa		Pelarasan Tahun Semasa		Hapuskira Tahun Semasa		Baki Pada 31 bismember		Nilai Buku Bersih	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2010																						
Tanah Milik Pajakan Bangunan	27,768	—	—	—	—	—	—	—	27,768	—	—	—	463	6,478	—	—	—	—	6,941	—	—	20,827
Loji dan Mesin	25,913,612	9,900	—	—	—	—	—	—	25,923,512	9,900	—	4,086,467	518,470	—	—	—	—	—	4,604,937	9,900	—	21,318,575
Perkakas Pejabat	17,305	9,300	—	—	—	—	—	—	26,605	9,300	6,318	6,318	5,320	—	—	—	—	—	11,638	9,300	—	14,967
Perabot dan Kelengkapan	225,541	41,600	—	—	—	—	—	—	267,141	41,600	92,008	92,008	51,597	—	—	—	—	—	143,605	41,600	—	123,536
Kenderaan Bermotor	302,379	3,600	—	—	—	—	—	—	305,979	3,600	68,057	68,057	30,598	—	—	—	—	—	98,655	3,600	—	207,324
Pengubahsuaian & Penambahan	1,176,625	120,300	—	—	—	—	—	—	1,296,925	120,300	928,458	928,458	145,298	—	—	—	—	—	1,073,756	120,300	—	223,169
	2,898,841	451,700	—	—	—	—	—	—	3,350,541	451,700	377,448	377,448	67,011	—	—	—	—	—	444,459	451,700	—	2,906,082
	30,562,071	636,400	—	—	—	—	—	—	31,198,471	636,400	5,558,756	5,558,756	818,757	6,478	—	—	—	—	6,383,991	636,400	—	24,814,480
2009																						
Tanah Milik Pajakan Bangunan	168,790	—	—	—	—	—	—	—	27,768	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	27,768
Loji dan Mesin	20,751,176	5,204,436	—	—	—	—	—	—	25,913,612	5,204,436	3,570,716	3,570,716	518,272	(2,521)	—	—	—	—	4,086,467	5,204,436	—	21,827,145
Perkakas Pejabat	9,476	11,540	—	—	—	—	—	—	17,305	11,540	6,564	6,564	3,462	(3,708)	—	—	—	—	6,318	11,540	—	10,987
Perabot dan Kelengkapan	165,703	88,540	—	—	—	—	—	—	225,541	88,540	75,593	75,593	45,106	(28,691)	—	—	—	—	92,008	88,540	—	133,533
Kenderaan Bermotor	96,159	216,210	—	—	—	—	—	—	302,379	216,210	47,247	47,247	30,238	(9,428)	—	—	—	—	68,057	216,210	—	234,322
Pengubahsuaian & Penambahan	1,516,688	—	—	—	—	—	—	—	1,176,625	—	1,092,396	1,092,396	176,114	(340,052)	—	—	—	—	928,458	—	—	248,167
	2,506,333	392,508	—	—	—	—	—	—	2,898,841	392,508	319,471	319,471	57,977	—	—	—	—	—	377,448	392,508	—	2,521,393
	25,214,325	5,913,234	—	—	—	—	—	—	30,562,071	5,913,234	5,111,987	5,111,987	831,169	(384,400)	—	—	—	—	5,558,756	5,913,234	—	25,003,315

11. KERJA DALAM KEMAJUAN

2010

	Baki pada 1 Januari	Tambahan Tahun Semasa	Dipindahkan Ke Akaun Aset Tetap	Baki pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM
Terminal Freesia	1,242,547	350,800	—	1,593,347
Dewan Orangramai P. Arabella	—	200,000	—	200,000
	<u>1,242,547</u>	<u>550,800</u>	<u>—</u>	<u>1,793,347</u>

2009

Bangunan Kelab Golf SAS	1,169,281	3,949,514	5,118,795	—
Terminal Freesia	477,000	765,547	—	1,242,547
	<u>1,646,281</u>	<u>4,715,061</u>	<u>5,118,795</u>	<u>1,242,547</u>

12. KUMPULAN WANG MAJLIS

	2010 RM	2009 RM
Baki pada 1 Januari	17,071,796	18,288,746
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun semasa	476,358	(1,075,474)
Pelarasan tahun lepas	(8,511)	(141,476)
Baki pada 31 Disember	<u>17,539,643</u>	<u>17,071,796</u>

13. KUMPULAN WANG PUNCAK ARABELLA

Baki pada 1 Januari	6,760,117	6,760,117
Keuntungan Jualan Tahun Semasa	25,612	—
Pelarasan Tahun Semasa	27	—
	<u>6,785,756</u>	<u>6,760,117</u>

14. BANTUAN KERAJAAN TERTUNDA

2010

	Baki pada 1 Januari	Tambahan Dalam Tahun	Direalisasi Dalam Tahun	Baki pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM
Bantuan Kerajaan Negeri	1,803,239	—	93,855	1,709,384
Bantuan Kerajaan Persekutuan	16,832,112	667,900	431,994	17,068,018
	<u>18,635,351</u>	<u>667,900</u>	<u>525,849</u>	<u>18,777,402</u>

2009

Bantuan Kerajaan Negeri	1,897,097	—	93,858	1,803,239
Bantuan Kerajaan Persekutuan	13,116,008	4,130,264	414,160	16,832,112
	<u>15,013,105</u>	<u>4,130,264</u>	<u>508,018</u>	<u>18,635,351</u>

15. PINJAMAN DARI KERAJAAN NEGERI

Pinjaman ini adalah digunakan untuk membiayai keperluan bagi menangani masalah Y2K di Majlis Daerah Cameron Highlands. Pinjaman ini tidak bercagar dan tiada faedah yang di kenakan. Tempoh bayaran balik adalah selama 5 tahun yang bermula selepas tamat tempoh pertanggungan selama 2 tahun. Permohonan bagi pengecualiaan bayaran telah ditolak. Oleh yang demikian Majlis perlu membuat bayaran balik secara ansuran mulai tahun 2011. Jumlah bayaran balik tahunan belum diputuskan lagi oleh pihak berkuasa negeri.

16. CARUMAN BANTU KADAR

	2010 RM	2009 RM
Kerajaan Persekutuan	226,623	192,048
Angkatan Bersenjata	28,516	21,452
Kerajaan Negeri	151,791	151,791
	<u>406,930</u>	<u>365,291</u>

17. TERIMAAN BAGI PERKHIDMATAN

Terimaan Prosesan	180,734	143,674
Terimaan Green Fee (Bukan Ahli)	645,954	622,429
	<u>826,688</u>	<u>766,103</u>

18. SEWAAN

Sewa Ruangniaga (Bulanan)	762,317	702,144
Keahlian Padang Golf (Bulanan)	151,067	140,726
Pelbagai Sewa	104,143	109,118
	<u>1,017,527</u>	<u>951,988</u>

19. DENDA HUKUMAN

Notis E	89,707	38,565
Kompaun-Penguatkuasa	30,410	28,751
Denda Lewat (Sewa)	15,496	15,319
	<u>135,613</u>	<u>82,635</u>

20. PEMBERIAN KERAJAAN

Kerajaan Persekutuan	1,875,890	444,575
Kerajaan Negeri	257,109	—
	<u>2,132,999</u>	<u>444,575</u>

21. GERAN KESEIMBANGAN

Kerajaan Persekutuan	722,137	722,137
Kerajaan Negeri	215,000	215,000
	<u>937,137</u>	<u>937,137</u>

22. EMOLUMEN

	2010	2009
	RM	RM
Gaji dan Upahan	1,917,224	1,526,817
Elaun Tetap	628,717	585,508
Sumbangan Berkanun untuk kakitangan	230,069	224,904
Elaun Lebih Masa	181,030	148,967
Faedah Kewangan yang lain	1,104	210
	<u>2,958,144</u>	<u>2,486,406</u>

23. PERKHIDMATAN IKHTISAS & HOSPITALITI

Perkhidmatan Dibeli	947,709	962,095
Perkhidmatan Percetakan	36,787	49,807
Emolumen Kakitangan Kontrak/Sambilan	621,533	500,027
Keraian & Hospitaliti	131,719	119,597
	<u>1,737,748</u>	<u>1,631,526</u>

24. KEMUDAHAN

Kemudahan Taman dan Riadah	126,030	397,467
Kemudahan Lain	618,789	395,056
	<u>744,819</u>	<u>792,523</u>

25. PELBAGAI BAYARAN

Sumbangan & Derma	21,203	55,921
Bayaran Cukai	14,706	16,143
Pelbagai	3,700	788
	<u>39,609</u>	<u>72,852</u>

26. MAKLUMAT PEKERJA

Bilangan kakitangan Majlis Daerah Cameron Highlands pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2010	2009
	RM	RM
Kakitangan Tetap	99	78
Kakitangan Kontrak	25	20
Kakitangan Sambilan	4	9
	<u>128</u>	<u>107</u>

27. LIABILITI LUARJANGKA

MDCH menghadapi satu kes tuntutan mahkamah yang dibuat oleh Tetuan Jutavilla Sdn. Bhd., berkaitan 3 bidang tanah dan deposit berjumlah RM250,000. Kes bermula pada tahun 1999 dan masih belum diselesaikan hingga kini.

No. 484.

MAJLIS DAERAH PEKAN
PEKAN DISTRICT COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2010
ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2010

Akaun yang telah diaudit ini bagi tahun kewangan 2010, bersama-sama dengan pandangan juruaudit atasnya, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Bertarikh 25 Januari 2012
[SUK.Phg./KT. 003/3.22 Jld. 7 SK. 2]

DATO' MOHD FADZLI BIN MOHD KENALI
*Yang Dipertua
Majlis Daerah Pekan*

This audited account for the financial year 2010, together with the auditor's observation thereon, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*].

Dated 25 January 2012
[SUK.Phg./KT. 003/3.22 Jld. 7 SK. 2]

DATO' MOHD FADZLI BIN MOHD KENALI
*President
Pekan District Council*

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH PEKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pekan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Kecuali apa yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Pekan pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

KUANTAN
Bertarikh 26 Ogos 2011

CHE MOHD SHUKRI BIN CHE HASSAN
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH PEKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Majlis Daerah Pekan terkurang nyata sejumlah RM3,036,000 disebabkan kesilapan mengambil kira hasil jualan tanah ke dalam Kumpulan Wang Majlis sebagai pelarasan tahun lepas.

3. Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh Majlis Daerah Pekan untuk meningkatkan akauntabiliti.

KUANTAN
Bertarikh 26 Ogos 2011

CHE MOHD SHUKRI BIN CHE HASSAN
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI MAJLIS,
MAJLIS DAERAH PEKAN

Kami, Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, DIMP., SAP., AAP., AMP., dan Nor Azita binti Abdul Rahman yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Daerah Pekan, dengan ini menyatakan bahawa, pada pandangan Majlis, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan keadaan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Pekan pada 31 Disember 2010 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

DATO' MOHD FADZLI BIN MOHD KENALI

*Yang Dipertua
Majlis Daerah Pekan*

Bertarikh 14 April 2011

Bagi pihak Majlis,

NOR AZITA BINTI ABDUL RAHMAN

*Ahli Majlis
Majlis Daerah Pekan*

Bertarikh 14 April 2011

SURAT AKUAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS DAERAH PEKAN

Saya, Mohd. Ali bin Mohd Amin, Setiausaha, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Pekan, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa, Lembaran Imbangan, Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini bersama-sama dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-sebaik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan telah mengambil kira segala tanggungan dan hasil yang sepatutnya dikutip bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya
Diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu,
MOHD ALI BIN MOHD AMIN
di Pekan di Negeri Pahang
pada 14 April 2011

Di hadapan saya,

FARAHANIM BINTI MOHD YUSOF
(*Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen
atau Pesuruhjaya Sumpah*)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2010

	2010	2009
	RM	RM
ASET SEMASA		
Wang Tunai dan Baki di Bank (Nota 2)	3,957,237	(122,771)
Pelaburan	250,000	350,000
Penghutang (Nota 3)	3,344,127	3,845,626
	<u>7,551,364</u>	<u>4,072,855</u>
LIABILITI SEMASA		
Pemiutang (Nota 4)	3,704,932	2,734,088
Terimaan Terdahulu (Nota 5)	—	150
Pertaruhan Diterima (Nota 6)	739,084	712,162
Sumbangan Amanah (Nota 7)	309,533	302,363
Lain-lain Pinjaman (Nota 8)	215,497	215,497
	<u>4,969,046</u>	<u>3,964,260</u>
ASET SEMASA BERSIH	2,582,318	108,595
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Nota 9)	20,301,328	20,889,091
	<u>22,883,646</u>	<u>20,997,686</u>

	2010	2009
	RM	RM
DIBIYAI OLEH:		
Kumpulan Wang Majlis	3,137,212	853,298
Bantuan Kerajaan Tertunda (Nota 11)	19,473,434	19,847,555
Rizab Penilaian Semula	273,000	296,833
	<u>22,883,646</u>	<u>20,997,686</u>

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota akaun.

AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	2010	2009
	RM	RM
PENDAPATAN		
Cukai Taksiran Am	3,347,547	3,330,032
Caruman Bantu Kadar (Nota 12)	705,736	694,958
Lesen dan Permit	400,395	502,638
Terimaan Bagi Perkhidmatan (Nota 13)	398,903	282,140
Perolehan daripada Jualan Barang	24,532	24,267
Perolehan daripada jualan hartanah	448,778	—
Sewaan (Nota 14)	603,049	763,212
Faedah	33,582	67,233
Denda dan Hukuman (Nota 15)	33,218	30,132
Pembiayaan Kerajaan (Nota 16)	1,385,041	6,650,489
Geran Keseimbangan (Nota 17)	1,801,651	1,801,651
Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan (Nota 11)	374,121	403,905
Pelbagai (Nota 18)	932,128	920,284
	<u>10,488,681</u>	<u>15,470,941</u>
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 19)	2,394,209	1,926,898
Perjalanan Dan Pengangkutan	104,417	244,056
Perhubungan Dan Utiliti	1,075,182	828,608
Bayaran Sewaan	44,141	30,154
Bekalan Makanan Dan Minuman	8,336	3,432
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan Penyelenggaraan	341,233	393,740
Bekalan Pejabat Dan Bahan-Bahan Lain	371,254	509,534
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	268,025	308,656
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	3,403,326	3,685,465
Bayaran Pengurusan Alam Flora Sdn. Bhd.	968,952	252,300
Yuran Akaun	10,725	11,000
Yuran Audit	11,000	11,422
Susutnilai (Nota 9)	706,520	738,351
Pulangbalik Dan Hapuskira	32,315	26,047
Pelbagai (Nota 20)	1,621,418	7,839,377
	<u>11,361,053</u>	<u>16,809,040</u>
KURANGAN PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN TAHUN SEMASA	<u>(872,372)</u>	<u>(1,338,099)</u>

Akaun Pendapatan Dan Perbelanjaan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	2010 RM	2009 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
Kurangan Pendapatan Ke atas Perbelanjaan	(872,372)	(1,338,099)
Pelarasan Bagi:		
Susutnilai	706,520	738,967
Pendapatan Faedah	(33,582)	(67,233)
Bantuan kerajaan tertunda direalisasikan	(374,121)	(403,905)
Rizab wang semula direalisasikan	(23,833)	(23,833)
Pelarasan tahun lepas	3,156,286	271,329
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	2,558,898	(822,773)
Tambahan Dalam Penghutang	501,499	349,480
Tambahan Dalam Pemiutang	1,004,786	238,877
Tunai Bersih Dihasilkan/(Digunakan) Dalam Kegiatan Kendalian	4,065,183	(234,416)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan		
Pelaburan	100,000	—
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(118,757)	(598,218)
Tambahan kerja dalam kemajuan	—	451,785
Faedah diterima	33,582	67,233
Tunai Bersih Dihasilkan/(Digunakan) Dalam Kegiatan Pelaburan	14,825	(79,200)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan		
Penerimaan Bantuan Kerajaan Tertunda	—	26,218
Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Kegiatan Pembiayaan	—	26,218
Lebihan/(Kurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	4,080,008	(287,398)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	(122,771)	164,627
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun (Nota 2)	3,957,237	(122,771)

Aliran Tunai di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada akaun.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Bantuan Kerajaan Tertunda RM	Rizab Wang Semula RM	Kumpulan Wang Majlis RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2009	20,225,242	320,666	1,920,068	22,465,976
Realisasi tahun	(403,905)	(23,833)	—	(427,738)
Tambahan dalam tahun	26,218	—	—	26,218
Pelarasan tahun lepas	—	—	271,329	271,329
Baki yang dinyatakan semula	19,847,555	296,833	2,191,397	22,335,785
Kurangan bagi tahun	—	—	(1,338,099)	(1,338,099)
Baki pada 31 Disember 2009	19,847,555	296,833	853,298	20,997,686
Baki pada 1 Januari 2010	19,847,555	296,833	853,298	20,997,686

	Bantuan Kerajaan Tertunda	Rizab Wang Semula	Kumpulan Wang Majlis	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Realisasi tahun	(374,121)	(23,833)	—	(397,954)
Pelarasan tahun lepas	—	—	3,156,286	3,156,286
Baki yang dinyatakan semula	19,473,434	273,000	4,009,584	23,756,018
Kurangan bagi tahun	—	—	(872,372)	(872,372)
Baki pada 31 Disember 2010	19,473,434	273,000	3,137,212	22,883,646

Penyata Perubahan Ekuiti di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

NOTA BERKENAAN AKAUN-AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Akaun-akaun telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

(b) Harta Tetap Dan Susutnilai

Harta Tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Tanah milik kekal dan kerja dalam proses tidak disusutnilaikan.

Perlindungan Insuran dibuat kepada Bangunan Majlis untuk insuran kebakaran, kerosakan akibat bencana alam dan tanggungan awam (Public Liability) serta kerosakan terhadap peralatan pejabat seperti penghawa dingin, komputer.

Selaras dengan Garis Panduan Perakaunan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang Bil 01/ 2009, mulai tahun kewangan 2008; kadar susutnilai aset-aset berikut telah ditukar. Pembetulan perbezaan/pelarasan susutnilai terkumpul berikutan perubahan ini diambilkita secara prospektif sesuai dengan kehendak para 28 MASB 3 dan ditunjukkan di nota 10.

Kadar susutnilai sebelum dan selepas perubahan polisi perakaunan adalah seperti berikut:-

Aset	Sebelum	Selepas
Tanah Milik Kekal	—	—
Tanah Pajakan 99 tahun	—	99 tahun sepanjang 99 tahun
Tanah Pajakan 66 tahun	—	66 tahun sepanjang 66 tahun
Bangunan	2%	2%
Kenderaan dan jentera	20%	20%
Perabot dan kelengkapan pejabat	20%	10%
Kemudahan awam dan rekreasi	10 - 20%	20%
Komputer, elektrik dan elektronik	20%	10%
Peralatan Kerja	20%	20%

(c) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

Risiko kewangan utama yang dihadapi oleh pihak Majlis dan polisi yang berkaitan dengan aktiviti perbendaharaan adalah seperti berikut:

(i) Risiko kredit

Risiko kredit adalah kemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matan.

(ii) Risiko kecairan dan aliran tunai

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam menyediakan dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh. Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasanya.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Hanya pendapatan Cukai Taksiran Am, Caruman Bantu Kadar, Sewaan Bangunan Perusahaan, Pasar, Tandas Awam, Rumah Rehat, Perhentian Bas dan Teksi serta pengambilan kenderaan Majlis oleh pihak Alam Flora Sdn. Bhd. diambilkira secara konsep 'akruan'. Sementara itu lain-lain pendapatan diambilkira dalam akaun apabila diterima (konsep tunai).

(e) Perbelanjaan Terakru dan Sipiutang Majlis

Bagi pengiraan Perbelanjaan Terakru dan Sipiutang, ianya mengambilkira pembayaran yang dibuat kepada Sipiutang Majlis dan perbelanjaan terakru 2009 dalam tahun 2010.

(f) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai adalah tunai di tangan, tunai di bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(g) Realisasi Bantuan Kerajaan Tertunda

Bantuan Kerajaan Tertunda merupakan bantuan yang diterima daripada pihak kerajaan negeri dan juga persekutuan. Ia adalah di ambilkira kedalam akaun Majlis sebagai pendapatan mengikut kadar jangka hayat harta berkenaan.

(h) Instrumen-Instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan termasuklah tunai dan baki-baki tunai di bank, pelaburan, penghutang pemiutang dan peminjam. Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai masing-masing dinyatakan di dalam pernyataan dasar-dasar perakaunan Majlis.

Instrumen-instrumen kewangan dilangsaikan apabila Majlis mempunyai hak untuk melaksanakan penyelesaian jumlah yang tertentu dan bertujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau menjangka nilai harta dan menyelesaikan hutang tersebut pada masa yang sama.

(i) Penghutang-penghutang

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti adalah dihapuskirakan dan peruntukan khas dibuat bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dipungut.

(j) Simpanan Tetap

Simpanan Tetap terdiri daripada simpanan di bank-bank berlesen dan lain-lain institusi kewangan untuk tempoh (nyatakan tempoh). Terdapat beberapa faedah simpanan tetap yang diterima dimasukkan ke dalam akaun semasa dan ada juga yang diterima dijadikan pelaburan pokok. Bagi simpanan tetap yang tidak dapat ditentukan kadar faedahnya, pengiraan faedah terakru tidak dibuat.

(k) Kemudahan Overdraf

Tiada membuat kemudahan overdraf pada tahun semasa.

(l) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan tidak diperuntukkan di dalam akaun oleh kerana Majlis ini adalah dikecualikan dari Cukai Pendapatan dibawah peruntukan Seksyen 127 (Jadual 6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

(m) Maklumat Pekerja

Bilangan kakitangan majlis ialah 165 orang (2009: 162 orang).

(n) Aktiviti Utama dan Maklumat Umum

- a. Merancang dan mengawal pembangunan termasuk menyediakan pelan struktur.
